



JALAN rosak selepas air surut.



AIR naik mendadak menenggelamkan kenderaan.

Oleh Safeek Affendy Razali dan Nor Azizah Mokhtar  
norazizah@bharian.com.my

**K**AJANG: Hujan lebat hampir sejam bermula jam 2.30 petang semalam menyebabkan banyak kawasan di daerah ini dilanda banjir kilat sehingga ada kawasan dinaiki air hingga ke

paras dada. Hujan lebat bersama arus deras menyebabkan air naik secara mendadak di pusat bandar Kajang dan mengakibatkan orang ramai yang sedang sibuk berurusan di situ, termasuk membeli belah di Plaza Metro Kajang menjadi panik apabila terkepung oleh banjir.



BANDAR Kajang ditenggelami air selepas hujan lebat petang semalam.

# Kajang dikepung banjir

## Orang ramai panik air naik mendadak di pusat bandar

Puluhan premis kedai, bank dan kediaman turut dinaiki air apabila paras air di Sungai Kajang melepasi paras bahaya dan melimpah ke kawasan sekitarnya. Banjir kilat itu turut menenggelamkan puluhan kenderaan yang tidak sempat dialihkan. Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan

Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul, berkata sembilan mangsa termasuk tiga warga emas berjaya diselamatkan apabila rumah mereka dinaiki air selepas mereka tidak sempat keluar daripada rumah ketika banjir berlaku. Katanya, kesemua mangsa diselamatkan di kawasan perumahan di Kampung Sungai

Kantan dan Jalan Kelapa, iaitu kawasan paling teruk dilanda banjir yang mana ada ada sebahagian tempat di situ dinaiki air hingga ke paras dada.

“Kawasan lain yang terabit ialah pekan Semenyih berhampiran jalan ke Bangi Lama, Pasar Besar Kajang, Jalan Jeluk dan Jalan Semenyih,” katanya sambil menambah banjir beransur surut kira-kira jam 5 petang dan penduduk mulai pulang ke rumah masing-masing.

Seorang mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Datin Che Rahmah, dari Kampung Sungai Kantan berkata, ketika dalam perjalanan ke sebuah rumah kebajikan orang tua di sini kira-kira jam 2.30 petang, dia menerima panggilan dari

pada seorang jiran memberitahu kawasan kejiranan mereka dinaiki air dan dia segera berpatah balik kerana bimbang sesuatu buruk berlaku.

“Bila saya sampai ke rumah, air sudah naik hingga ke paras peha dan saya cuba menyelamatkan barangan penting, namun tidak sempat menyelamatkan kesemuanya kerana paras air naik secara mendadak hingga ke paras dada,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Seorang lagi mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Amlah berkata, dia menyedari air mula naik selepas melihat beberapa kenderaan milik jirannya ditenggelami air kira-kira jam 4 petang dan pada masa itu hujan sangat terlalu lebat.



KENDERAAN terperangkap tingkat bawah Prescott Metro Inn Kajang.



PEKERJA membersihkan kedai selepas banjir.

Penerima anugerah dari tahun 2005 – 2010

# TAHNIAH

## Sekali lagi rakyat Malaysia memilih Kamus Elektronik BESTA

“Terima Kasih atas sokongan anda! Kami sentiasa memberikan kandungan kamus & kualiti terbaik untuk para pengguna! Kejayaan Anda, kebanggaan BESTA”

Majlis penganugerahan Superbrands 2011 oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan

### Kuasai Bahasa Inggeris dengan BESTA